

Mampu merangsang minda penuntut lebih selesa, fokus dalam pelajaran

# Kewujudan mini zoo di UMS

UM 15.08.2012 30

Oleh **SITTI NOR AZIZAH TALATA**

utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 14 Ogos - Kewujudan Mini Zoo Pusat Penerangan Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai habitat pelbagai spesies haiwan kecil melengkapkan lagi pusat

berkenaan.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Mohd. Harun Abddullah berkata, ia secara tidak langsung menceriakan lagi persekitaran kampus yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran.

“Kita memerlukan suasana har-

moni khususnya dalam kampus untuk merangsang minda ‘penuntut UMS agar mereka lebih selesa dan fokus dalam pelajaran,’ katanya ketika ditemui selepas merasmikan Mini Zoo PPIB, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd. Said; Dekan

PPIB, Prof. Madya Dr. Ismail Ali dan dua timbalannya, Dr. Anantha Raman Govindasamy dan Wardatul Akmam Din.

Laman ceria itu turut menempatkan padang mini golf, gelanggang bola tampar dan sepak takraw yang boleh digunakan oleh warga kampus selepas waktu bekerja.

Mohd. Harun berkata, warga kampus perlu menerapkan konsep inovatif, relevan dan lestari dalam meningkatkan kualiti kerja ke arah penjanaan kecemerlangan UMS.

Dalam pada itu, Dr. Mohd. Harun turut meninjau keadaan bangunan PPIB yang sebahagiannya memerlukan pembaikan.